

Yang di-Pertuan Agong kembali mulakan tugas

BH - 5/11/2019
m/s: 4

➔ PM nafi khabar angin Sultan Muhammad V lepaskan jawatan

Oleh **Mohd Iskandar Ibrahim**
mohd_iskandar@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V, sudah memulakan tugas baginda, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pelbagai laporan kononnya Sultan Muhammad V melepaskan jawa-

tan, sebagai Yang di-Pertuan Agong tidak lebih daripada khabar angin.

“Saya pun hanya mendengar khabar angin tetapi setahu saya baginda sudah mula bertugas,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media, selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) di sini, semalam.

Sejak kelmarin, media sosial ke-

coh dengan dakwaan kononnya mesyuarat khas Majlis Raja-Raja membincangkan kedudukan baginda.

Mesyuarat khas

Ditanya mengenai adakah benar mesyuarat khas Majlis Raja-Raja diadakan seperti yang didakwa itu, Dr Mahathir sekali lagi menegaskan ia sekadar khabar angin.

“Seperti anda, saya juga hanya



Dr Mahathir pada sidang media selepas mesyuarat Majlis Presiden PH. Turut kelihatan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Kuala Lumpur, semalam.



Saya pun hanya dengar khabar angin tetapi setahu saya baginda sudah mula bertugas”

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

mendengar khabar angin.

“Setakat ini tiada pengumuman atau surat rasmi (Majlis Raja-Raja mengadakan mesyuarat khas),” katanya.

Sultan Muhammad V sebelum ini beristirahat untuk menjalani rawatan bermula 2 November sehingga 31 Disember tahun lalu, manakala tugas Yang di-Pertuan Agong dipangku timbalan baginda, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah yang juga Sultan Perak.